

EMBARGO UNTUK DISIARKAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM INI 12 MAC

1982

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI SETIAP UMAT ISLAM YANG HENDAK BERDAKWAH BAGI MEMPERKUKUHKAN LAGI SYIAR ISLAM MESTILAH, DEMI KEPENTINGAN ISLAM, MENGISI DAKWAHNYA DENGAN HASRAT UNTUK MENGEMBALIKAN KEKUATAN DAN KEAGUNGAN UMAT.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DAKWAH YANG PERLU DIISI BUKANLAH UNTUK POLEMIC YANG MELEMAH ATAU MEMECAHBELAHKAN UMAT.

BELIAU MENINGATKAN KITA HENDAKLAH SEDAR BAHAWA ADA KUASA-KUASA YANG INGIN MEMUSNAHKAN ISLAM KERANA ISLAM BERCANGGAH DENGAN IDEOLOGI MEREKA.

+KIRANYA KITA LEMAH PASTILAH MUDAH BAGI MEREKA INI MEMASUKKAN KITA KE DALAM PERANGKAP MEREKA DAN JIKA TELAH MASUK PERANGKAP MEREKA, ISLAM AKAN DIMUSNAHKAN OLEH MEREKA, + TEGASNYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MANGARANG BERUNSUR ISLAM SEMENA PERAYAAN ABAD KE-15 HIJRAH DI BALAI BUDAYA, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI. -- BERSAMBUNG 2050/1B.

B673:  
MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ALLAH MENUNTUT UMATNYA MENYERU KE JALANYA TETAPI SERUAN YANG DITUNTUT IALAH YANG DIBUAT SECARA BERKESAN MENGIKUT LUNAS-LUNAS TERTENTU DAN DIBUAT DENGAN JUJUR DAN BAIK.

KATANYA JKKA SESEORANG ITU MENYERU KE JALAN KEBAIKAN SEDANGKAN TINGKAH LAKUNYA BOLEH DIPERSOALKAN, INI TIDAK AKAN MEMBAWA UMAT ISLAM + KE MANA-MANA. +

BEGITU JUGA HALNYA DENGAN PIHAK TERTENTU YANG MENCANANGKAN KEUNGGULAN ISLAM SEDANGKAN TAKTIKNYA MEMPERNGARUHI MASYARAKAT BEGITU BERCANGGAH DENGAN SEMANGAT KEISLAMAN YANG SEBENAR.

+INI AKAN HANYA MEMUDARKAN SYIAR ISLAM. MALAH BOLEH MENGHANCURKAN PERPADUAN UMAT ISLAM SENDIRI.

+GEJALA BURUK INI DIPANDANG BERAT DAN JIKA IA MULA BERCAMBIAH ATAU TELAH MENULAR, KITA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA UNTUK MEMBENTERASNYA, + KATA BELIAU. -- BERSAMBUNG 2058/1B

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA ABAD KE-15 HIJRAH DILIHAT OLEH UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA SEBAGAI ZAMAN KEBANGKITAN SEMULA ISLAM, ZAMAN UNTUK MENEBUS KEMBALI KEAGUNGAN ISLAM DAN ZAMAN KEBANGGAAN BAGI UMAT ISLAM.

BELIAU BAGAIMANAPUN KESAL KERANA ADA GOLONGAN, YANG UNTUK MENCAPI CITA-CITA DAN HASRAT TERSEBUT, MEMILIH JALAN UNTUK SEMATA-MATA MENDEKATI AKHIRAT DENGAN MENANGGALKAN SEGALA HUBUNGAN BERSIFAT KEDUNIAAN.

KATANYA BAGI GOLONGAN INI, HIDUP TERPENCIL DARI MASYARAKAT UMUM, DAPAT BERIBADAT DAN MEMPUNYAI HABUAN SEKADAR CUKUP UNTUK MENYARA HIDUP ADALAH CARA HIDUP YANG DITUNTUT OLEH ISLAM. SELAINNYA DIANGGAP SIFAR JAHILIAH.

SATU LAGI GOLONGAN PULA MEMANDANG KEBANGKITAN ISLAM PADA ABAD KE-15 HIJRAH INI SEBAGAI SATU ISYARAT UNTUK MELAKSANAKAN SATU REVOLUSI MENYELURUH, MENGHAPUSKAN SEGALA YANG ADA DAN MEMBINA SISTEM PEMERINTAHAN DAN KERAJAAN YANG DIKATAKAN ISLAM SEBAGAI SATU PERMULAAN BARU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUA-DUA GOLONGAN ITU INGIN MEMPENGARUHI DUNIA ISLAM UNTUK MENERIMA DAN MENGAMAL PRINSIP-PRINSIP MEREKA YANG JIKA DITERIMA OLEH SEBAHAGIAN BESAR UMAT ISLAM BOLEH MEMBAWA KEHANCURAN KEPADA UMAT ISLAM SENDIRI. -- BERSAMBUNG 2100/1B

B675:

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+YANG ANEH IALAH GOLONGAN-GOLONGAN ITU TIDAK MEMPERHITUNGKAN APAKAH KEMAMPUAN YANG ADA PADA UMAT ISLAM KETIKA INI, AJARAN DAN PRINSIP ISLAM YANG SEBENAR SEBAGAI AGAMA SEJAGAT, RINTANGAN YANG WUJUD DAN BAHAYA YANG MESTI DILALUI AKIBAT TINDAKAN YANG DIRANCANGKAN.

+MEREKA TIDAK MEMIKIRKAN HIKMAH PERJUANGAN RAZULULLAH S.A.W. DAN SAHABAT DENGAN PETUNJUK ALLAH YANG MENJELASKAN KEPADA KITA BETAPA PENTINGNYA STRATEGI, TAKTIK DAN DIPLOMASI DALAM PERJUANGAN ISLAM.

+SEJARAH DENGAN JELAS MENUNJUKKAN BETAPA KEPERIBADIAN DAN AKHLAK RASULULLAH S.A.W. YANG BEGITU LUHUR DAN TINGGI TELAH MENJADI KUASA PENARIK BAGI MANUSIA MENGANUTI ISLAM,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KEAGUNGAN ISLAM YANG INGIN DIKEMBALIKAN IALAH YANG DIASASKAN KEPADA SIFAT-SIFAT YANG DISANJUNG TINGGI DAN DIHURMATI OLEH MANUSIA.

+ISLAM TIDAK DIKEMBANGKAN DENGAN MENUMPAHKAN DARAH MANUSIA YANG TIDAK BERDOSA, MEMECAH-BELAHKAN UMAT ISLAM DAN MEMESONGKAN AJARAN ISLAM DENGAN MENABUR FITNAH KERANA KEPENTINGAN DIRI ATAU POLITIK KUMPULAN-KUMPULAN. +--BERSAMBUNG 2105/1B

B676:

MAHATHIR-ISLAM 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEAGUNGAN ISLAM BERMAKNA KEKUATAN AKIDAH, PERPADUAN SERTA PERSEFAHAMAN DAN KEMAJUAN EKONOMI, ILMU PENGETAHUAN, SAINS DAN TEKNOLOGI DAN PELAJARAN SERTA LAIN-LAIN YANG MENJADI PERISAI BAGI MELINDUNGI UMAT DARIPADA FITNAH DAN ANCAMAN ANASIR-ANASIR YANG INGIN MEROSAKKAN UMAT.

+INI HARUSLAH MENJADI PERJUANGAN UMAT ISLAM KERANA KELEMAHAN UMAT ISLAM DALAM MANA-MANA ASPEK AKAN MEMANJANGKAN LAGI MASA UMAT ISLAM DIPENGARUHI DAN DICENGGAM OLEH ORANG LAIN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYARANKAN SUPAYA PENGANJURAN MENGARANG SEMPERNA SAMBUTAN ABAD KE-15 HIJRAH DIJADIKAN TITIK PERMULAAN BAGI USAHA PENULISAN YANG BERTERASKAN ISLAM DI NEGARA INI.

BELIAU KESAL KERANA BUAT MASA INI KURANG SEKALI HASIL SASTERA ISLAM YANG DAPAT MEMBENTUK KEPERIBADIAN MASYARAKAT DAN BAGI MENJADI PERISAI DAN PENAWAR DALAM MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI CABARAN SEMASA DAN AKAN DATANG. -- BERSAMBUNG 2110/1B

**MAHATHIR-ISLAM 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)**

SEBELUM ITU DALAM UCAPANNYA MENTERI TIDAK BERPOTFOLIO DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK HAJI MOHAMAD BIN NASIR BERKATA PIHAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA AKAN MENERBITKAN KARYA-KARYA YANG MENANG DALAM PERADUAN TERSEBUT BAGI BACAAN UMUM DAN SUPAYA IA DAPAT DITATAP OLEH JENERASI-JENERASI AKAN DATANG.

BELIAU MENSIFATKAN USAHA INI SEBAGAI SATU-SATU PENINGGALAN KEKAL HASIL PERAYAAN SAMBUTAN ABAD KE-15 HIJRAH. — BERNAMA 214/1B

B712:

**MAHATHIR-ISLAM 7 KUALA LUMPUR (RE-OPEN ITEM NO. 677)**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK HAJI MOHAMED NASIR DALAM UCAPANNYA BERKATA, SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN DALAM PERADUAN INI MENCERMINKAN TINDAKBALAS YANG SIHAT DARI MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI TERHADAP USAHA KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN HAL-EHWAL KEAGAMAAN.

DATUK NASIR, SELAKU PENERUSI JAWATANKUASA KERJA PERAYAAN SAMBUTAN ABAD KE-15 HIJRAH MENAMBAH, PERADUAN INI JUGA MENAMPAKKAN TINGKAT KEFAHAMAN YANG BOLEH DIBANGGAKAN DARI KALANGAN PESERTA PERADUAN DALAM MENTERAPKAN NILAI-NILAI KEISLAMAN DALAM KARYA MEREKA.

+DEWAN BAHASA DAN PEUSTAKA TELAH MENGATUR UNTUK MENERBITKAN KARYA-KARYA YANG MENANG UNTUK BACAAN UMUM DAN KARYA-KARYA INI AKAN DITATAPI OLEH JENERASI-JENERASI YANG AKAN DATANG,+ KATA BELIAU.

PERTANDINGAN KARANGAN BERUNSUR ISLAM INI TELAH DILANCARKAN PADA 7 NOV. 1980 DAN TERBAHAGI KEPADA JENIS CERPEN, DRAMA, PUISI, NOVEL, ESSEI DAN PENYELIDIKAN ISLAM.

DALAM BAHAGIAN ESSEI ISLAM (PELAJAR), CIK HAPIPAH HASSAN, 20, DARI BATU PAHAT, JOHOR, TELAH MEMENANGGI HADIAH PERTAMA SEBANYAK \$2,000 DENGAN KARYANYA YANG BERTAJUK 'PANDANGAN ISLAM DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN'.

— BERSAMBUNG 112320/AZ

B715:

MAHATHIR-ISLAM 8 KUALA LUMPUR

HADIAH KEDUA SEBANYAK \$1,500 TELAH DIMENANGI OLEH ZAMBRI ABDUL KADIR, 20, DARI PARIT BUNTAR PERAK DENGAN KARYANYA, 'PENDIDIKAN ISLAM DALAM HUBUNGAN MASYARAKAT KINI' DAN HADIAH KETIGA SEBANYAK \$1,000 JATUH KEPADA ZALIHA IBRAHIM, 18, DARI KUALA TRENGGANU UNTUK ESEINYA YANG BERTAJUK 'FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PEMBACAAN AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR HARI INI'.

DALAM BAHAGIAN PUISI, TIADA PEMENANG UNTUK HADIAH PERTAMA DAN KEDUA SEMENTARA HADIAH KETIGA SEBANYAK \$2,500 TELAH DIMENANGI OLEH SUHAIMI HAJI MUHAMMAD, 48, SEORANG PENYAIR TANAH AIR YANG PROLIFIK DARI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DENGAN PUISINYA BERTAJUK 'DI MALAM GELITA INI'.

ESSEI 'ISLAM DI MALAYSIA-SETAKAT MANA KEBEBASANNYA' OLEH HAMDAN INDAH, 26, TELAH MEMENANGI HADIAH PERTAMA SEBANYAK \$3,000 DALAM BAHAGIAN UNTUK UMUM SEMENTARA HADIAH KEDUA SEBANYAK \$2,500 DIMENANGI OLEH IBRAHIM ABU BAKAR, 32, DENGAN KARYANYA BERTAJUK 'TAKFIR: SATU PENJELASAN RENGKAS' DAN HADIAH KETIGA SEBANYAK \$2,000 DIMENANGI OLEH MOHAMED SIDIN AHMAD ISHAK, 23, DENGAN KARYANYA BERTAJUK 'TANTANGAN DUNIA MODEN - KEPERLUAN TERHADAP ISLAM.'

'MADRASAH, SEBUAH CERPEN KARYA ABDUL RAHMAN HARUN, 27, TELAH MEMENANGI HADIAH KEDUA SEBANYAK \$3,000 SEMENTARA HADIAH KETIGA SEBANYAK \$2,000 DIMENANGI OLEH WARDZIAH BT. ABDUL RAHMAN, 27 YANG TELAH MENGHASILKAN 'HANYALAH HEMBUSAN ANGIN SENJA'. TIADA PEMENANG PERTAMA DALAM BAHAGIAN INI.

DALAM BAHAGIAN DRAMA TIDAK ADA PEMENANG PERTAMA SEMENTARA HADIAH KEDUA SEBANYAK \$3,000 DIMENANGI OLEH ABDUL RAHIM ABDULLAH, 34, DENGAN HASIL KARYANYA, 'ASAR BELUM BERAKHIR' YANG JUGA TELAH DIPENTASKAN SELEPAS UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH INI.

HADIAH KETIGA SEBANYAK \$2,000 PULA JATUH KEPADA 'HIKMAH', HASIL KARYA ABDUL RAHMAN HANAFIAH, 37, YANG BANYAK TELAH MENGHASILKAN DRAMA TV DAN PENTAS. -- BERNAMA (0025/A)